



**BAHAGIAN PERUMAHAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 ( 53 )  
Tarikh : 9 September 2023

**KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN**


Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G2** dalam kategori pengkhususan seperti di bawah, dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)**, **Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK)** serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang masih sah, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :

Bil.	No Sebutharga	Keterangan Kerja	Berdaftar dengan CIDB & PKK	Taklimat / Lawatan Tapak
1	BP 17/2023	Kerja-Kerja Mengecat Semula Rumah Pangsa Taman Tun Dr. Ismail (Templer), Daerah Seremban, Negeri Sembilan.	Gred : <b>G2</b> Kategori : <b>B, CE</b> Pengkhususan: <b>B04, B14 &amp; CE21</b>	Blok A, Rumah Pangsa Taman Tun Dr. Ismail (Templer), Daerah Seremban, Negeri Sembilan  <b>13 September 2023 - Rabu</b> <b>9.30 Pagi</b>

- Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut **WAJIB** menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti di atas. **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB SAHAJA** di benarkan untuk mendaftar dan Kontraktor perlu membawa COP Syarikat semasa mendaftar di tapak. Kontraktor perlu mengamalkan amalan penjarakkan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask*. (**SOP KKM**) serta mengemukakan keputusan ujian saringan Covid (*Saliva Test*) sebelum mendaftar di tapak.
- Borang sebutharga akan mula dijual pada **14 September 2023 (Khamis)** sehingga **21 September 2023 (Khamis)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah mendaftar di Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan membeli borang**. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **21 September 2023 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / ~~WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAF BANK~~** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(ROSLINA BINTI ROSLI)  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perumahan